Bermula Jun tahun lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan eksklusif melaporkan banyak premis *e-waste* di sekitar Lembah Klang dan beberapa negeri yang dipercayai beroperasi secara haram tanpa mendapat kelulusan JAS.

Ada di antaranya berselindung di sebalik operasi mengumpul besi lusuh, namun dalam masa sama mengaut keuntungan dengan mengekstrak, meleraikan dan melupus *e-waste* termasuk mempromosikannya di media sosial secara terbuka.

Susulan laporan itu, Ketua Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Bukit Aman, Datuk Muhammed Hasbullah Ali dalam sidang akhbar memberitahu seorang individu bergelar Datuk antara 55 individu yang ditahan dengan tindakan sitaan bernilai RM43.19 juta hasil serbuan ke atas sindiket memproses *e-waste* haram pada 5 Ogos di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan serta Johor.

SINAR HARIAN
21 FEB 2025
Tarikh:

Risiko kesihatan, pencemaran alam sekitar akibat sisa *e-waste* tidak terkawal

84
-1/2
KUALA LUMPUR - Sisa elektronik (*e-waste*) yang melalui proses tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai risiko kesihatan serta pencemaran alam sekitar.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, pelbagai bahan kimia boleh dilepaskan ketika proses peleburan *e-waste* termasuk logam berat seperti arsenik yang boleh menyebabkan kanser.

"Jika hasil sampingan kilang haram ini tidak disimpan dengan betul, ia boleh meresap ke dalam tanah dan mencemari tanah atau sungai.

"Kita mendapati banyak kilang haram ini tidak mempunyai sistem penapisan corong asap yang betul," katanya.

Wan Abdul Latiff berkata, *e-waste* dikategorikan sebagai buangan terjadual dengan kod SW110 sebagaimana dinyatakan di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual)

2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Buangan *e-waste* daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi komponen-komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin.

"Selain itu peralatan elektrik dan elektronik yang telah tamat tempoh hayat, tidak boleh lagi digunakan dan hendaklah dilupuskan secara mesra alam di kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)," ujarnya.

Menurutnya, tahun lalu, JAS sudah melakukan 44 pemeriksaan ke atas kilang yang memproses *e-waste* secara haram, lapan diarahkan tutup manakala baki sedang dalam siasatan.

SINAR HARIAN

21 FEB. 2025.

Tarikh:

KWSP raih RM102j jual saham MAHB

8th 2/2

KWSP berdagang dengan cara yang berintegriti, tidak melanggar kesalahan *insider trading*

KUALA LUMPUR

Saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) telah dijual pada harga antara RM6.80 dan RM7.70 seunit, menghasilkan pendapatan berjumlah RM102 juta untuk agihan dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tahun kewangan 2023.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, prestasi saham MAHB yang mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebanyak 11.47 peratus pada 2023 turut menjadi faktor utama strategi penjualan saham.

Sehubungan itu katanya, tuduhan bahawa KWSP mengalami kerugian daripada penjualan ini adalah tidak berasas dan ini jelas telah ditolak oleh KWSP melalui kenyataan akhbar-nya pada 12 Februari 2025.

"Berdasarkan kenyataan ini, jelas bahawa KWSP telah mencatatkan keuntungan daripada penjualan beli saham MAHB dan berjaya merekodkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM63.48 bilion bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023," katanya ketika Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Chong Zhemlin (PH-Kampar)** yang ingin mengetahui jumlah keuntungan atau kerugian dialami KWSP.

Amir Hamzah berkata, langkah KWSP membeli saham MAHB pada harga RM11 se-saham adalah pelaburan berbeza yang merupakan langkah jangka masa panjang bagi memastikan MAHB di landasan tepat untuk



Amir Hamzah ketika menjawab soalan Chong Zhemlin mengenai KWSP di Dewan Rakyat pada Khamis.

disenaraikan semula dengan harga lebih tinggi.

Jelasnya, penglibatan KWSP kali ini turut mengambil kira aspek penciptaan nilai tambah lebih strategik dan strategi baharu serta pelaksanaan pelan pemulihan dan penambahbaikan MAHB.

Mengulas mengenai dakwaan kenapa KWSP tidak terus memegang saham tersebut, jelas

beliau cara KWSP berurusan adalah dengan cara yang baik.

"Di bawah protokol perintang maklumat, Jabatan Pelaburan Strategik yang bertanggungjawab ke atas sehingga pengumuman sukarela (VGO) MAHB ini adalah dilarang sama sekali daripada berkongsi maklumat sensitif dan bukan umum kepada Jabatan Ekuiti.

"Protokol ini memastikan pemisahan maklumat agar tidak berlaku sebarang percanggahan kepentingan yang boleh membawa risiko berlakunya *insider trading* yang merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA)," katanya.

Tegas beliau, protokol perintang maklumat tidak sewajarnya diperlekehkan kerana ia merupakan langkah kawalan penting sebagai pertahanan terhadap *insider trading*.

"Kesalahan *insider trading* ini merupakan satu kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada hukuman mandatori penjara tidak melebihi 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM1 juta.

"Sekiranya KWSP menggunakan maklumat dalaman untuk membuat dagangan saham, ini boleh merosakkan integriti dan keadilan pasaran saham di Malaysia memandangkan penyertaan KWSP adalah sebanyak 38 peratus daripada keseluruhan pasaran ekuiti tersenarai domestik," katanya.



SINAR HARIAN

Tarikh: 21 FEB 2025

Program tahun ini akan berlangsung di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, UIAM pada 25 Mac depan bersamaan 24 Ramadan 1446H

Oleh **FOUZIAH AMIR GOMBAK**

Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) kini genap sedekad menganjurkan World #QuranHour yang kian berkembang dari Malaysia ke seluruh dunia.

Acara perdana tahun ini akan berlangsung di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak pada 25 Mac depan bersamaan 24 Ramadan 1446H.

Ketua Pegawai Eksekutif WUIF, Marhaini Yusoff berkata, World #QuranHour yang bermula di UIAM kini telah mencapai impak luar biasa dengan penyertaan meluas dari dalam dan luar negara.

Sedekad World #QuranHour: Dari Malaysia ke seluruh dunia

"Dari Malaysia, kempen berinteraksi dengan al-Quran melalui baca, faham dan amal telah berkembang ke seluruh dunia. Semasa mula dianjurkan, kita mendapat sokongan UIAM dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

"Alumni UIAM di luar negara juga banyak membantu dalam penyebaran inisiatif ini. Kini, kita melihat peningkatan besar dengan pencapaian 7.72 bilion di media sosial dan 313 lokasi berdaftar di 76 negara di seluruh dunia," katanya.

Menurut Marhaini, penganjur World #QuranHour bukan sekadar program tahunan tetapi telah mencetuskan gelombang budaya membaca, memahami dan mengamalkan al-Quran dalam masyarakat.

Selain itu, katanya, pelbagai organisasi kini telah menganjurkan program #QuranHour di tem-

pat masing-masing seperti Jabatan Kerja Raya, Lembaga Hasil Dalam Negeri, SIRIM, dan Petronas. Ini menunjukkan budaya bersama al-Quran semakin diterima dan berkembang.

"Tahun ini, World #QuranHour membawa misi besar berpandukan Surah Al-Saffi dengan tema #SavingTheUmmah. Lima tonggak utama dalam surah ini diharapkan mampu menjadi pedoman dalam membina kualiti diri individu dan masyarakat Islam secara keseluruhan.

"Bagi menjayakan World #QuranHour kali ini, pelbagai pihak telah menyatakan sokongan, termasuk Astro Oasis yang telah mengesahkan sebagai penyiar rasmi. Taklimat media akan di-



MARHAINI

adakan dalam masa terdekat bagi memperincikan lagi penglibatan pihak media dalam memperluaskan impak program ini.

"Selain itu, lebih 5,000 lokasi Quran Corner yang telah menerima sumbangan wakaf al-Quran sejak 2020 turut memainkan peranan dalam menyebarkan mesej al-Quran kepada pelbagai agensi kerajaan, swasta, dan institusi pendidikan," ujarnya.


Marhaini turut menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersama menjayakan World #QuranHour 2025 dengan hadir secara fizikal di lokasi perdana, Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, UIAM dan mendaftar sebagai penganjur World #QuranHour di

lokasi masing-masing.

"Dengan anggaran kehadiran 5,000 peserta di lokasi perdana dan ribuan lagi di seluruh dunia, World #QuranHour tahun ini diharapkan menjadi satu gelombang transformasi yang lebih besar dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan al-Quran dalam kehidupan seharian.

"Dengan penyertaan pemimpin negara, badan beruniform seperti tentera dan polis, serta masyarakat awam, kita ingin menonjolkan barisan yang tersusun dan bersatu seperti yang ditekankan dalam Surah Al-Saffi. Semoga kesatuan ini membawa kejayaan besar kepada umat Islam," katanya.

Untuk menjadi peserta World #QuranHour di lokasi perdana atau penganjur World #QuranHour di lokasi masing-masing, sila daftar di <https://quranhour.onpay.my/order/form/wqh2025>.



UMMAHIKHLAS FOUNDATION

• Dunia Berbudi & Penyayang •

WORLD #QuranHour

...satu kebangkitan

24 RAMADAN 1446H / 25 MAC 2025

SURAH AL-SAFFI
Surah ke-61
14 Ayat

#SavingTheUmmah

Panduan Daripada Surah Al-Saffi

25 MAC 2025

SELASA, 24 RAMADAN 1446H

12.00 - 1.00 TENGAH HARI

Lokasi Perdana :

MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH, IIUM GOMBAK, SELANGOR

MengORANBangsa
MengIKHLASUmmah

Penyaja:

Pembiayaan:

Penyiar:

Partnership:

Partnership:

Partnership:

SINAR HARIAN

Tarikh:21 FEB. 2025.....

Bersihkan Malaysia daripada *e-waste* haram



ANALISIS
MUKA 16

AISYAH BASARUDDIN

SH 1/2

Isu kilang sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) haram semakin mendapat perhatian apabila satu demi satu operasi dilakukan pihak berkuasa bagi membanteras kegiatan tersebut.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerusi agensinya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama-sama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak berkuasa tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus menggempur bagi melumpuhkan kegiatan di premis haram berkenaan.

Umum mengetahui *e-waste* berpotensi mencemarkan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan penduduk jika tidak diuruskan secara lestari. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia menjadi antara destinasi utama lambakan *e-waste* global khususnya dari negara maju seperti China, Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom.

Premis *e-waste* yang beroperasi tanpa permit sah memproses bahan buangan ini dengan kaedah tidak terkawal sehingga mengakibatkan pencemaran udara, tanah dan air.

Meskipun beberapa operasi penggempuran yang dijalankan sebelum ini menunjukkan kesan ketara terhadap pengurangan kegiatan itu, namun cabaran masih wujud apabila pemilihan premis seolah-olah tidak apabila digempur pihak berkuasa.

Antaranya disebabkan modus operandi sindiket yang berpindah-randah ke lokasi baharu bagi mengelak dikesan pihak berkuasa dan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Bagi memastikan keberkesanan jangka panjang, kerajaan perlu memperketat penguatkuasaan undang-undang bahan buangan terjadual ini selain bekerjasama dengan negara jiran untuk menyekat kemasukan *e-waste* secara haram ke Malaysia.

Di samping itu, pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan *e-waste* yang bertanggungjawab perlu diperkemas serta dididik bermula peringkat sekolah.

Penggunaan teknologi hijau dan inisiatif kitar semula yang lebih berstruktur juga membantu mengurangkan kebergantungan terhadap kilang pemprosesan haram.

Beberapa pakar alam sekitar berpandangan, penguatkuasaan tegas itu amat berkesan dalam mengurangkan pencemaran, misalnya logam berat seperti plumbum, merkuri dan kadmium dalam *e-waste* boleh meresap ke dalam tanah serta mencemarkan sumber air.

Menurut Konvensyen Basel, pergerakan rentas sempadan bahan buangan terjadual perlu mempunyai kelulusan terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti transit, penghantaran import dan eksport dapat dijalankan.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa operasi penggempuran ini memberikan dampak dalam melindungi ekosistem dan kesihatan awam di negara ini.

Selain aspek alam sekitar, operasi berkenaan turut memberi kesan kepada ekonomi. Penutupan kilang haram mampu meningkatkan permintaan terhadap pengurusan *e-*

“

Bagi memastikan keberkesanan jangka panjang, kerajaan perlu memperketat penguatkuasaan undang-undang bahan buangan terjadual ini selain bekerjasama dengan negara jiran untuk menyekat kemasukan e-waste secara haram ke Malaysia.”

waste secara sah, sekali gus membuka peluang buat syarikat kitar semula berdaftar. Walaupun operasi serbuan berjaya mengekang kegiatan haram ini, namun sindiket yang terlibat pasti mencari jalan lain untuk meneruskan kegiatan mereka memandangkan hasilnya yang lumayan.

Pujian wajar diberikan kepada pihak berkuasa yang berterusan melakukan penguatkuasaan menerusi Op Hazard yang dijalankan secara besar-besaran seluruh negara sejak 15 Februari lalu, membabitkan sitaan sebanyak RM2.86 bilion.

Tuntasnya, operasi penggempuran kilang *e-waste* haram seluruh negara membuktikan komitmen padu NRES dan agensi berkaitan dalam mengawal pencemaran di samping mengekang kegiatan sedemikian daripada berleluasa.

Sekiranya penguatkuasaan terus diperkukuhkan, Malaysia mungkin boleh menjadi contoh kepada negara luar berhubung ketegasan melindungi alam sekitar dengan memastikan pengurusan *e-waste* dilakukan secara lestari.

**Aisyah Basaruddin ialah wartawan meja Nasional Sinar Harian*

SINAR HARIAN

21 FEB 2025

Tarikh:

9th
2/2

Pesara wanita rugi RM108,000 diperdaya *phone scam*

KUALA TERENGGANU - Seorang pesara wanita kerugian RM108,000 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan menerusi telefon atau *phone scam* daripada individu yang menyamar sebagai ejen insurans pada 10 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor memaklumkan, melalui panggilan tersebut, wanita berusia 61 tahun itu dimaklumkan bahawa namanya telah disalah guna oleh individu tidak bertanggungjawab

bagi tujuan tuntutan insurans perubatan sebanyak RM63,000.

Menurutnya, mangsa kemudiannya disambungkan kepada 'pihak polis' dan diarah membuka akaun Bank Rakyat.

"Mangsa telah memindahkan wang dalam akaun Tabung Haji ke dalam akaun bank tersebut berjumlah RM45,000. Mangsa juga telah memberikan maklumat bank kepada suspek dan membuat pinjaman dengan Affin Bank berjumlah RM50,000. Wang tersebut turut di-

masukkan ke dalam akaun Bank Rakyat ini.

"Mangsa juga telah pindahkan wang berjumlah RM13,000 ke dalam dua akaun yang berlainan dengan tiga kali transaksi menjadikan jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM108,000," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menyedari dirinya ditipu, Azli berkata, mangsa terus membuat laporan polis pada Rabu lalu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," ujarnya.

SINAR HARIAN
21 FEB 2025

Tarikh:

Lihat anak bulan Ramadan 28 Februari

- Pengisytiharan dibuat pada malam itu juga
- Dilakukan di 29 lokasi seluruh negara

PETALING JAYA – Tarikh bagi melihat anak bulan Ramadan ditetapkan pada petang 28 Feb-

ruari iaitu Jumaat depan bersamaan 29 Syaaban 1446 hijrah.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menerusi kenyataan berkata, Majlis Raja-Raja mempersetujui cara menetapkan tarikh awal Ramadan adalah berdasarkan rukyah dan hisab.

"Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan mengisytiharkan pada malam itu juga tarikh awal

Ramadan yang ditetapkan melalui radio dan televisyen," katanya.

Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan telah diperkenankan melihat anak bulan Ramadan di 29 lokasi di seluruh negara.

Lokasi berkenaan ialah Baitul Hilal Bangunan Sultan Ismail, Pontian, Johor; Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka;

Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan; Baitul Hilal Bukit Melawati, Kuala Selangor; Baitul Hilal Bukit Jugra, Banting, Kuala Langat, Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam dan Baitul Hilal Pantai Pasir Panjang, Mukim Pengkalan Baru, dan Daerah Manjong, Perak.

Lokasi lain termasuk Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh,

Pulau Pinang; Stesen Cerapan Hilal Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda; Stesen Cerapan Hilal Pemandangan Indah, Pulau Langkawi; Menara Alor Setar; Stesen Cerapan Hilal Bukit Besar, Kuala Terengganu; Stesen Cerapan Hilal Bukit Geliga, Kemaman; Stesen Cerapan Hilal Pulau Perhentian, Besut dan Balai Cerap KUSZA, Mukim Merang, Setiu.

KOSMO

Tarikh:



MOHD. NAJWAN

Kos Sukma Selangor dianggarkan RM250 juta

SHAH ALAM – Kos penganjuran Sukan Malaysia (Sukma) ke-22 di Selangor pada 2026 dianggarkan berjumlah RM250 juta.

Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan negeri, Mohd. Najwan Halimi berkata, kos itu melibatkan pengurusan sekretariat, persediaan atlet, penyediaan teknikal peralatan kelengkapan pertandingan, perkampungan sukan dan makan minum dan sistem teknologi.

"Anggaran jumlah peruntukan itu turut merangkumi kos sistem logistik, media dan promosi,

SIDANG DUN SELANGOR



protokol dan hadiah, kecemasan dan keselamatan, majlis pembukaan dan penutup, larian obor, (bayaran) sukarelawan dan infrastruktur lokasi pertandingan.

"Bagaimanapun, kerajaan ne-

geri percaya akan ada penaja daripada syarikat berkaitan kerajaan mahupun swasta akan turut bersama membantu pelaksanaan penganjuran temasya Sukma 2026 di sebalik kos penganjuran yang tinggi ini," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor semalam.

Beliau menjawab soalan Michelle Ng Mei Sze (**PH-Subang Jaya**) yang ingin mengetahui perbelanjaan bagi menganjurkan temasya sukan berkenaan.

Mohd. Najwan yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Kota Anggerik berkata, cabaran dihadapi kerajaan negeri adalah ketiadaan venue utama bagi penganjuran sukan itu.

Katanya, ini dipengaruhi tempoh persediaan yang sangat singkat untuk menjadi tuan rumah iaitu dua tahun berbanding tempoh sebelum ini antara empat hingga enam tahun.

"Fasa satu Kompleks Sukan Shah Alam dijangka siap pada pertengahan 2027. Justeru, beberapa venue pertandingan telah dikenal pasti yang boleh menganjurkan acara sukan itu.

KOSMO

21 FEB 2025

Tarikh:

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya merampas RM3.8 bilion sisa elektronik (e-waste) dalam operasi dijalankan pada 1 Januari 2024 hingga 17 Februari lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM2.68 bilion dirampas

RM3.8 bilion sisa elektronik dirampas

246 individu turut ditahan dalam operasi bersepadu PDRM, JAS

menerusi Ops Hazard yang dijalankan pada 15 Februari lalu.

"Rampasan membabitkan 22.9 juta kilogram (kg) e-waste, selain itu fasiliti seperti mesin pemproses, mesin penimbang berat, mesin pemprosesan timah dan sebagainya sebanyak RM83 juta.

"Manakala bagi nilai rampasan kenderaan adalah sebanyak RM29 juta

serta rampasan lain-lain seperti minyak, plastik, blok memasak dan sebagainya berjumlah RM67.8 juta," katanya.

pada sidang media bersama Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Wan

"Rampasan membabitkan 22.9 juta kilogram (kg) e-waste"
Azmi

Latiff Wan Jaffar di Bukit Aman di sini, semalam.

Azmi berkata, menerusi operasi yang dijalankan, seramai 246 individu ditahan yang mana 218 adalah lelaki, 27 (wanita) dan seorang kanak-kanak.

"Tangkapan terdiri dari pada pelbagai warganegara termasuk warga tempatan, China, Myanmar, Bangladesh, Indonesia, Kemboja dan Filipina.

"Semua tangkapan membabitkan lingkungan umur antara dua hingga 60 tahun," katanya.

Menurutnya, pihaknya kini sedang menyiasat dan

mengenal pasti dalam kegiatan utama dalam kegiatan e-waste ini terutamanya membabitkan warganegara asing yang bertindak sebagai pemilik dan pengendali kilang haram itu.

"Kita masih menyiasat dan mengenal pasti sama ada syarikat yang ditahan ini terbabit antara satu sama lain dan ada hubung kait bersama.

"Untuk pembanteras e-waste ini memerlukan kerjasama yang jitu antara semua elemen penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

"PDRM dan JAS sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan lain demi kepentingan negara," katanya.



AZMI (kiri) bersama Wan Abdul Latiff pada sidang media Op Hazard PGEJAS di Dewan Theatre, Bukit Aman. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

HARIAN METRO
21 FEB 2025
Tarikh:

Proses tidak terkawal boleh undang pelbagai risiko kesihatan

HM 21/2

Kuala Lumpur: Sisa elektronik (e-waste) yang melalui proses tidak terkawal boleh menyebabkan pelbagai risiko kesihatan termasuk kanser kepada penduduk yang tinggal berdekatan.

Ketua Pengarah Alam Sekitar Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, pelbagai bahan kimia boleh dilepaskan ketika proses peleburan e-waste termasuk

logam berat seperti arsenik yang boleh menyebabkan kanser.

"Jika hasil sampingan kilang haram ini tidak disimpan dengan betul, ia boleh meresap ke dalam tanah dan mencemari air tanah atau sungai.

"Kami juga mendapati banyak kilang haram ini tidak mempunyai sistem penapisan corong asap yang betul," katanya pada sidang

media bersama Pengarah SW110 sebagaimana dinyatakan di bawah Jawatankuasa Pertama, Peraturan-Perturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Buangan e-waste daripada pemasangan elektrik dan

elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin.

"Selain itu, peralatan elektrik dan elektronik yang tamat tempoh hayat tidak boleh lagi digunakan dan hendaklah dilupuskan secara mesra alam di kemudahan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Katanya, tahun lalu, JAS sudah melakukan 44 pemeriksaan ke atas kilang yang memproses e-waste secara haram, lapan diarahkan tutup manakala baki sedang dalam siasatan.

"Ia boleh meresap ke dalam tanah dan mencemari air tanah, sungai"
Wan Abdul Latiff

HARIAN METRO

Tarikh: 21 FEB 2025

Kuala Lumpur

Bernama

HM
2/2

Saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dijual pada harga antara RM6.80 dan RM7.70 seunit, menghasilkan pendapatan berjumlah RM102 juta untuk agihan dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tahun kewangan 2023, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, prestasi saham MAHB yang mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebanyak 11.47 peratus pada 2023 turut menjadi faktor utama strategi penjualan saham.

Sehubungan itu katanya, tuduhan bahawa KWSP mengalami kerugian daripada penjualan ini adalah tidak berasas dan ini jelas telah ditolak oleh KWSP melalui kenyataan akhbar pada 12 Februari 2025.

"Berdasarkan kenyataan ini, jelas KWSP mencatat keuntungan daripada penjualan beli saham MAHB dan berjaya merekodkan jumlah pendapatan pelaburan RM63.48 bilion bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023," katanya pada Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Chong Zheminn (PH-Kampar) yang ingin mengetahui jumlah keuntungan atau kerugian dialami

SECARA keseluruhan, sejak 2014, jumlah pendapatan daripada dagangan aktif dan pengumpulan dividen saham MAHB mencapai nilai RM650 juta.



KWSP dalam transaksi pembelian dan penjualan saham MAHB dan bagaimana ia dilaporkan dalam penyata kewangan KWSP.

Amir Hamzah berkata, KWSP berjaya mengisytiharkan dividen 5.50 peratus bagi Simpanan Konvensional dan 5.40 peratus bagi Simpanan Syariah pada 2023.

"Secara keseluruhan, sejak 2014, jumlah pendapa-

tan daripada dagangan aktif dan pengumpulan dividen saham MAHB mencapai nilai RM650 juta," katanya.

Katanya, aktiviti jual beli saham MAHB dan penswastan MAHB yang baru dimuktamadkan tahun ini adalah dua pelaburan berbeza iaitu dari segi matlamat pelaburannya dan dari segi jabatan yang bertanggungjawab mengu-

rus pelaburan itu.

Menurutnya, sehingga pengumuman Tawaran Sukarela (VGO) pada 15 Mei 2024 di Bursa Malaysia, aktiviti dagangan saham MAHB oleh pengurus dana saham tersenarai berjalan mengikut mandatnya untuk menjana pulangan untuk ahli-ahli KWSP.

KWSP mengamalkan proses tadbir urus tegas melalui protokol perin-

tang maklumat atau dikenali sebagai *Chinese wall* yang menjadi amalan piawai standard dalam kalangan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan institusi kewangan," katanya.

"Di bawah protokol perintang maklumat, Jabatan Pelaburan Strategik (IPS) yang bertanggungjawab ke atas VGO MAHB ini adalah dilarang sama sekali dari-

pada berkongsi maklumat sensitif dan bukan umum kepada Jabatan Ekuiti (IP).

"Protokol ini memastikan pemisahan maklumat supaya tidak berlaku percanggahan kepentingan yang boleh membawa risiko berlakunya *insider trading* yang menjadi kesalahan jenayah di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA)," katanya.

Bisnes

HARIAN METRO

Tarikh: 21 FEB 2025

Bekas KSU bebas tuduhan subahat terima rasuah

BH 21/2

Putrajaya: Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Mohd Arif Ab Rahman, semalam, dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada tuduhan bersubahat dengan anak lakinya menerima rasuah RM627,636, sembilan tahun lalu.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Vazeer Alam Mydin Meera (kini Hakim Mahkamah Persekutuan), Datuk Lim Chong Fong, dan Datuk Azizul Azmi Adnan dalam keputusan sebulat suara membenarkan rayuan Mohd Arif, 68, untuk membatalkan sabitan dan hukuman penjara terhadapnya.

Bagaimanapun, mahkamah sama menolak rayuan anak lakinya, Ahmad Zukhairi, 43, dan dihukum penjara empat tahun serta denda RM9.6 juta terhadap empat pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung beberapa projek membabitkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 2016.

Mahkamah sama mengurangkan hukuman penjara dari lima tahun kepada empat tahun bagi keempat-empat pertuduhan, manakala denda RM9.6 juta dikekalkan.

Mahkamah turut mengurangkan hukuman kepada enam tahun penjara sekiranya gagal membayar denda berbanding 10 tahun penjara sebelum ini.

Mohd Arif dan Ahmad Zukhairi merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 14 November 2018 yang menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM3 juta ke atas Mohd Arif dan penjara lima tahun dan denda RM9.6 juta terhadap anak sulungnya itu.

Azizul Azmi ketika membacakan keputusan itu berkata, keterangan mengikut keadaan tidak cukup untuk membuktikan Mohd Arif bersubahat dengan anaknya mengambil rasuah itu.

"Oleh itu, rayuan perayu pertama (Mohd Arif) diterima (dilepas dan dibebaskan), manakala rayuan perayu kedua (Ahmad Zukhairi) ditolak mahkamah," katanya.

Sementara itu, peguam Zamani Ibrahim mewakili Ahmad Zukhairi, memohon hukuman terhadapnya anak guamnya dikurangkan atas alasan bagi memberi peluang kedua kepada perayu selain menanggung dua anak.

Bagaimanapun, Timbalan



Mohd Arif hadir ke Mahkamah Rayuan Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, berkata hukuman yang dikenakan terhadap perayu kedua (Ahmad Zukhairi) adalah setimpal.

"Mengambil kira umur perayu, insya-Allah dia akan menjadi manusia berguna kepada masyarakat selepas dibebaskan nanti, mengambil kira Ramadan terdekat ini," katanya.

Sebelum itu, Ahmad Zukhairi dilihat menangis dan memeluk ahli keluarganya sebelum dihantar ke penjara.

Mengikut pertuduhan, Mohd

Arif didakwa bersubahat dengan Ahmad Zukhairi menerima rasuah berjumlah RM627,636 di Royal Lake Club, Jalan Cenderamulia, Kuala Lumpur antara jam 4 petang dan 7 malam pada 23 Ogos 2016.

Ahmad Zukhairi didakwa atas empat pertuduhan iaitu pertuduhan pertama, didakwa menerima suapan wang tunai dolar Singapura jumlah sama daripada Pengarah Wazlina Sdn Bhd (Wazlina), Datuk Mohd Saifan Mohd Salleh pada masa, tarikh dan tempat sama.

Suapan itu sebagai upah untuk Ahmad Zukhairi dan bapanya kerana memberikan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hibrid di empat pulau terpencil di Sandakan, Sabah bernilai RM60 juta kepada syarikat sekutunya, Eramaz Sdn Bhd (Eramaz).

Bagi pertuduhan kedua, ahli perniagaan itu didakwa meminta suapan dua peratus bernilai RM1.2 juta daripada Mohd Saifan sebagai upah beliau dan bapanya kerana membantu Eramaz mendapat Projek BELB di Dorsett Grand Subang Hotel, Subang Jaya pada 17 Mac 2016.

Pertuduhan ketiga dan keempat, Ahmad Zukhairi didakwa menerima wang tunai RM130,000 daripada kontraktor Zul Fadli Rozi sebagai upah membantu syarikat HH Global Construction Sdn Bhd untuk mendapatkan projek cadangan membina dan menyiapkan Dataran Rekreasi di Tasik Kenyir, Terengganu.

Pertuduhan itu didakwa dilakukan di Permai Golf & Country Club, Kota Kemuning jam 8 pagi, 18 Ogos 2016 dan di Garden Course Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam pada September 2016.

BERITA HARIAN
Tarikh... 21 FEB 2025

Penjualan saham MAHB tidak jejas pendapatan KWSP

Agensi catat jumlah pendapatan pelaburan RM63.48 bilion

BH 2/2

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penjualan saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) tidak menjejaskan pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kerana urusan niaga mencatatkan keuntungan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata KWSP mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan RM63.48 bilion bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023, yang turut disumbangkan hasil penjualan saham MAHB.

Katanya, saham MAHB dijual pada harga antara RM6.80 hingga RM7.70 seunit, sekali gus menghasilkan pendapatan berjumlah RM102 juta untuk agihan dividen KWSP bagi tahun kewangan 2023.

Beliau berkata, prestasi saham MAHB yang mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLIC) sebanyak 11.47 peratus turut menjadi faktor utama urusan niaga itu.

"Tuduhan bahawa KWSP mengalami kerugian daripada penjualan ini adalah tidak berasas dan ini jelas ditolak oleh KWSP melalui kenyataan akhbar pada 12 Februari lalu.

"Berdasarkan kenyataan ini, jelas bahawa KWSP mencatatkan keuntungan daripada penjualan beli saham MAHB dan berjaya merekodkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM63.48 bilion bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023.

"Ia berjaya mengisytiharkan dividen sebanyak 5.50 peratus bagi simpanan konvensional dan 5.40 peratus bagi simpanan syariah," katanya pada waktu pertanyaan menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Chong Zhemin (PH-Kampar) yang meminta menteri kewangan menjelaskan jumlah keuntungan atau kerugian yang dialami KWSP dalam transaksi pembelian dan penjualan saham MAHB.

Zhemin juga ingin tahu bagaimana keuntungan atau kerugian ini dilaporkan dalam penyata kewangan KWSP.

Pada masa sama, Amir Hamzah berkata, secara keseluruhan, jumlah pendapatan daripada dagangan aktif dan pengumpulan dividen saham MAHB oleh KWSP mencapai nilai RM650 juta sejak 2014.

Beliau berkata pengisytiharan dividen KWSP adalah mengikut prestasi sebenar pelaburan yang dibuat agensi itu, berdasarkan Seksyen 27 Akta KWSP 1991 (Akta 452).

"Dalam erti kata lain, kadar dividen hanya berdasarkan pendapatan yang direalisasikan menerusi penjualan sesuatu pelaburan bagi tahun terbabit.

"Pada 2023, prestasi saham MAHB mengatasi prestasi FBM-KLCI sebanyak 11.47 peratus sekali gus menyediakan peluang bagi KWSP untuk merekodkan keuntungan daripada penjualan pegangan sahamnya dalam MAHB.


"Keuntungan ini secara langsung menyumbang kepada jumlah pendapatan pelaburan bersih RM63.48 bilion yang direkodkan bagi tahun 2023," katanya.

Pegangan dijual Januari 2023

Dalam perkembangan sama, Amir Hamzah berkata, Jabatan Ekuiti Awam KWSP mula menjual pegangannya dalam MAHB bermula Januari 2023 di mana ketika itu KWSP memegang 15.5 peratus pegangan saham dalam MAHB.

Katanya, ia untuk merealisasikan peluang keuntungan yang tercipta daripada harga pasaran saham MAHB, yang pada ketika itu mengatasi prestasi indeks komposit FBMKLCI.

Beliau menegaskan, penilaian dan perbincangan bagi tawaran am (VGO) MAHB hanya



KWSP mencatatkan keuntungan daripada penjualan beli saham MAHB. (Foto hiasan)

bermula pada Julai 2023 dan pengurus dana di Jabatan Ekuiti Awam KWSP tidak mempunyai sebarang maklumat atau akses kepada maklumat berhubung tawaran ke atas MAHB ini.

Katanya, tawaran sukarela oleh Konsortium yang dianggotai KWSP untuk mengambil alih semua saham MAHB yang belum dimiliki pada harga RM11 setiap saham pula adalah pelaburan baharu jangka panjang KWSP.

"Jadi mengapa KWSP sanggup membeli saham MAHB pada harga ini? Pembabitan KWSP pada kali ini mengambil kira aspek penciptaan nilai tambah yang lebih strategik dan strategi baharu.

"Ia juga mengambil kira pelaksanaan pelan pemulihan dan penambahbaikan MAHB yang akan memastikan ia berada pada landasan yang tepat untuk

disenaraikan semula pada harga lebih tinggi," katanya.

"Ini hanya boleh dikecapi melalui transformasi operasi MAHB," katanya.

Amir Hamzah berkata, sejurus penyahsenaarai ini selesai, Konsortium akan memberi sepenuh perhatian untuk meningkatkan infrastruktur, keterkaitan serta pengalaman penumpang.

"Dalam meningkatkan pelaburan dan menambah baik pengalaman penumpang rakyat dan pelancong, usaha tidak hanya tertumpu kepada lapangan terbang antarabangsa utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pulau Pinang dan Kota Kinabalu.

"Tetapi juga akan dilaksanakan penambahbaikan di lapangan terbang lain antaranya di Tawau, Kota Bharu dan Ipoh," katanya.

50 tan peluru ditemui di kilang e-waste

BH 21/2

Premis beroperasi sebagai proksi warga China

Kuala Lumpur: Empat individu, termasuk tiga warga asing ditahan berikutan penemuan kira-kira 50 tan peluru dan kelongsong dalam serbuan di sebuah kilang memproses sampah elektronik (e-waste) di Telok Panglima Garang, Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Malaysia Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim, berkata siasatan juga mendapati kilang terbabit beroperasi sebagai proksi kepada warga China.

Warga tempatan yang ditahan adalah wanita berusia 24 tahun yang bekerja kerani dan penyelia premis berkenaan.

Katanya, polis turut menahan dua lelaki warga Kemboja dan seorang lelaki warga China berusia 24 hingga 38 tahun berperanan sebagai pekerja dan penjaga premis.

"Semakan mendapati kilang kitar semula itu didaftarkan di bawah nama warga tempatan, tetapi diuruskan secara proksi oleh warga China.

"Sisa e-waste yang diproses secara haram mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang mempunyai nilai kitar semula tinggi.

"Sisa berbahaya ini diproses menjadi jongkong besi, timah, dan tembaga sebelum diekspor ke luar negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, semalam.

Sabtu lalu, BH melaporkan serbuan terhadap sebuah kilang memproses bahan sisa elektronik yang beroperasi secara haram dekat Telok Panglima Garang menemukan kira-kira 50 tan anak peluru, kelongsong serta peluru hidup yang disyaki diseludup masuk ke negara ini.

Azmi berkata, sisa amunisi, iaitu anak peluru dan kelongsong peluru ditemui dalam serbuan di Telok Panglima Garang disifatkan objek berbahaya.

Katanya, siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti sumber dan tujuan penghantaran sisa amunisi yang dipercayai su-

dah berada di premis berkenaan sejak sebulan lalu.

"Pengakuan awal individu yang ditahan mendedahkan bahawa sisa amunisi dihantar bersama sisa barangan lain melalui pelabuhan sebelum diproses di premis berkenaan.

"Semua suspek dibawa ke mahkamah untuk permohonan reman dengan suspek wanita direman, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis, manakala tiga lelaki direman empat hari bermula Ahad sehingga kelmarin.

"Tiga suspek itu kemudian disambung reman di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) sehingga 5 Mac ini," katanya.

Azmi berkata, polis percaya ada kilang haram memproses bahan sisa elektronik di negara ini dibiayai warga asing.

Beliau berkata, siasatan mendapati ada kilang didaftarkan atas nama warga tempatan, namun diurus warga asing.

Katanya, menerusi serbuan di Sungai Siput, Perak, polis mendapati kilang terbabit mengga-

jikan seorang pekerja warga China berusia 56 tahun sebagai pekerja.

"Individu ini bekerja sebagai saintis selama setahun di kilang terbabit yang berupaya menganalisis partikal bahan sisa elektronik kepada pelbagai unsur seperti emas, tembaga, timah, kuprum dan aluminium pada gred tertentu.

"Dia juga ada kemahiran menganalisis kualiti dan kuantiti udara, air dan kepanasan dalam proses peleburan dan penguraian bahan e-waste," katanya.

Katanya, pihak polis percaya sindiket membawa masuk barangan berkenaan dari negara luar melalui pelabuhan dengan menggunakan laluan laut.

"Hasil soal siasat kita mendapati sisa elektronik dihantar menggunakan kontena melalui jalan darat ke kilang pemprosesan haram ini, kemudian sisa siap diproses menjadi bentuk jongkong seperti besi, timah dan tembaga akan diekspor semula ke luar negara," katanya.

BERITA HARIAN

21 FEB 2025

Tarikh.....

Kesuburan rakyat negara ini rendah

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **AIMAN ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia antara negara mencatatkan penurunan kadar kesuburan rendah selain menjadi isu global terutamanya dalam kalangan negara maju dan membangun.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, data dikeluarkan *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* menerusi *2024 ESCAP Population Data Insights*, kebanyakan negara di Asia Pasifik kini mencatatkan Jumlah Kadar Kesuburan (TFR) di bawah 2.1 kadar penggantian.

"Dalam tempoh 15 tahun ini, kadar tertinggi TFR di Malaysia dicatatkan pada 2011 dan 2012 iaitu 2.2.

"Sejak itu, negara kita menunjukkan trend TFR menurun. Walaubagaimanapun, kadar TFR Malaysia buat kali pertama dalam tempoh tersebut telah menunjukkan peningkatan 0.1 kepada 1.7 pada tahun 2023, berbanding



NANCY SHUKRI

TFR 1.6 pada tahun sebelumnya," katanya menjawab soalan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan (PN-Permatang Pauh) di Dewan Rakyat semalam.

Nancy berkata, terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada penurunan kadar TFR, antara-

nya faktor ekonomi dan cara gaya hidup yang boleh mempengaruhi keputusan seperti pilihan umur untuk berkahwin, bilangan anak dan sebagainya.

Pada masa yang sama, masalah ketidaksuburan turut boleh mempengaruhi kadar TFR.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2.1.FEB.2025

Perdagangan Malaysia naik 3.1 peratus pada Januari

PETALING JAYA: Prestasi perdagangan Malaysia bermula kukuh pada Januari 2025 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang ke-13 bulan berturut-turut, naik 3.1 peratus kepada RM241.95 bilion berbanding Januari 2024.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) berkata, eksport mengembang empat bulan berturut-turut, meningkat 0.3 peratus kepada RM122.79 bilion dan import naik 6.2 peratus kepada RM119.16 bilion.

Katanya, ini menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM3.63 bilion, merupakan lebih dagangan yang ke-57 bulan berturut-turut sejak Mei 2020.

"Prestasi eksport pada Januari 2025 ini telah disokong oleh pertumbuhan kukuh sektor utama, khususnya perkilangan dan pertanian.

"Tahun ini bermula dengan prestasi memberangsangkan dalam eksport barangan elektronik dan elektronik (E&E) yang merekodkan kenaikan hampir RM7 bilion," katanya dalam

kenyataan.

MITI berkata, barangan lain yang turut mencatatkan peningkatan eksport termasuklah minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Dari segi pasaran, MITI berkata, eksport ke Amerika Syarikat (AS) dan Taiwan telah merekodkan pertumbuhan dua digit pada Januari 2025, disokong oleh kenaikan permintaan bagi barangan E&E khasnya peranti semikonduk-

tor dan litar bersepadu elektronik (ICs).

"Mengikut pengumuman terkini oleh Bank Negara Malaysia (BNM), pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada 2024 dicatat kukuh, dengan peningkatan ketara sebanyak 5.1 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 2023.

"Menurut BNM, pertumbuhan KDNK tahun 2024 ini disumbangkan antaranya oleh peningkatan 12.3 peratus dalam pelaburan swasta dan 8.5 per-

tus peningkatan dalam eksport," ujarnya.

Berikutan itu, MITI dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) akan terus komited untuk memacu pertumbuhan eksport melalui pengukuhan hubungan dengan rakan dagang utama, meneroka pasaran baharu dan memberi sokongan yang diperlukan kepada pengeksport Malaysia.

"Ini untuk mengekalkan daya tahan dan kejayaan jangka panjang yang mampan," jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA
21 FEB 2025
Tarikh:

'Unregulated waste processing can release toxins'

KUALA LUMPUR: Unregulated processing of waste poses numerous health risks, including cancer, to those living nearby.

Department of Environment (DoE) director-general Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar cited electronic waste as an example, saying various chemicals could be released during smelting, including heavy metals such as arsenic which can cause cancer.

"If the by-products of these illegal factories are not stored properly, they can seep into the ground and contaminate groundwater or rivers.

"We also found that many of the illegal factories do not have proper chimney filtration systems," he told reporters at the federal police headquarters in Bukit Aman.

Wan Latiff said e-waste was categorised as a scheduled waste under the First Schedule of the Environmental Quality Regulations (Scheduled Waste) 2005 of the Environmental Quality Act.

"E-waste comprises electrical appliances and electronics, which contain components such as accumulators, mercury switches, glass from cathode ray tubes and activated glass, polychlorinated biphenyl capacitors.

"These are contaminated with cadmium, mercury, lead, nickel, chromium, lithium, silver, manganese or polychlorinated biphenyls.

"Electrical and electronic equipment that have reached the end of their useful life can no longer be used and must be disposed of in an environmentally

friendly manner at facilities licensed by the DoE," he said.

Wan Latiff said, last year, the DoE inspected 44 factories that processed e-waste, with eight being ordered to be closed.

The rest, he added, were under investigation.

Wan Latiff said 462 containers inspected at ports nationwide between 2023 and 2024 were found to have contained imported e-waste.

He said 140 containers had been sent back and the remaining were being prepared to be sent to their countries of origin.

Wan Latiff said the DoE was working with the Customs Department on container inspections.

Wan Latiff said the Customs Department would call in the DoE if it suspected that contain-

ers contained e-waste.

"If it does contain e-waste, we will issue an order so that the items will be sent back to their country of origins," he said, adding that DoE officers were not stationed at ports permanently.

Wan Latiff said the 47 premises raided under the recent Op Hazard were being investigated under the Environmental Quality Act.

"Fifty-nine notices and 27 compounds were issued for various offences. Fifty-two investigation papers will be opened," he said, adding that they would push for those responsible to be charged under Section 34B of the EQA.

Under this section, offenders face a maximum fine of RM10 million and imprisonment of not more than five years.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 21 FEB 2025

Community service plan for minor littering offences ^{2 1/2} sum

KUALA LUMPUR: The Housing and Local Government Ministry is planning to implement a community service order of up to 12 hours for minor littering offences through amendments to the relevant acts.

In a statement, the ministry said the amendments involved the Solid Waste Management and Public Cleansing Act 2007 and the Street, Drainage and Building Act 1974.

"Through these amendments, failure to comply with the community service order may result in a fine ranging from RM2,000 to RM10,000.

"The current legal provisions under the relevant Acts permit a fine ranging from RM500 to RM2,000 or imprisonment for up to one year."

The ministry said the proposed community service order aims to raise awareness and educate the public on the importance of cleanliness and discouraging the irresponsible disposal of small waste in public areas.

"The ministry has also held a special briefing session on the proposal with MPs and senators at the Parliament Building yesterday to explain the proposed amendments and legislation, as well as their implications."

In the same statement, Minister Nga Kor Ming was quoted as saying that the cleaning activities performed under the community service order will serve as a way for offenders

to give back to the environment.

He said this initiative would support the government's vision of establishing a cleaner, more beautiful and prosperous nation.

In a separate matter, the statement said the ministry had developed a draft of the Urban Renewal Bill through the Town and Country Planning Department.

"This Bill is under review for approval by the Attorney General's Department. Once it receives the green light, it will be presented at the Cabinet meeting scheduled for March, followed by the National Council for Local Government Meeting in May.

"The Bill is expected to be tabled in Parliament in July this year."

The statement also added that the proposed legislation emphasises key principles to ensure no party is disadvantaged during the urban renewal.

The legislation includes specific provisions to safeguard property owners' rights and interests, addressing ownership rights as well as urban renewal processes and procedures.

"Feedback from engagement sessions will be considered in refining the draft amendments and introducing this bill.

"The ministry remains committed to ensuring a clean and safe environment for all by enacting laws that are more effective and relevant to current needs," the statement said.

- Bernama

THE SUN

Tarikh: 21 FEB 2025